

CEP kumpul kumpulan kaji selidik bersama

BT 2/2/03
MESYUARAT kedua Perkongsian Ekonomi Rapat (CEP) antara Malaysia dan Jepun bersetuju untuk terus mara ke peringkat seterusnya dengan mengumpulkan kumpulan mengkaji bersama dengan penyertaan wakil swasta dan ahli akademik.

Ketua Setiausaha Kementerian Luar, Tan Sri Fuzi Abdul Razak, berkata kumpulan itu akan bertemu di Kuala Lumpur selama dua hari bermula pada 29 September depan.

Beliau berkata perbincangan itu akan menyertakan sektor swasta dan ahli akademik bertujuan membolehkan pihak berkenaan menyertai perbincangan mengenai isu-isu yang akan dimasukkan dalam CEP.

"Hanya selepas proses mendapatkan sektor swasta dan ahli akademik berkenaan selesai barulah kedua-dua negara memulakan rundingan lebih lanjut pada peringkat pegawai kanan sebelum CEP dimeterai," katanya selepas mesyuarat CEP di Langkawi, kelmarin.

Fuzi berkata rundingan sebenar antara kedua-dua pihak untuk merumuskan CEP akan berlaku apabila ia telah dipersetujui bersama.

Ini adalah susulan daripada mesyuarat pertama yang diadakan di Tokyo, Jepun daripada 8 hingga 9 Mei lalu.

Rombongan dari Jepun seramai 27 anggota itu diketuai Timbalan Menteri Luar Jepun Ichiro Fujisaki, manakala rombongan Malaysia dengan 53 anggota diituai oleh Fuzi.

Mesyuarat selama dua hari itu disertai perwakilan daripada kementerian berkaitan dan agensi kerajaan dari kedua-dua pihak.

CEP diilhamkan Perdana Menteri Jepun Junichiro Koizumi awal tahun lalu dan disokong Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.